

24/10/1999

Apabila guru kencing berdiri...

KATA orang, kalau guru kencing berdiri, anak murid kencing berlari. Ungkapan ini mungkin kasar sedikit bunyinya, tapi mengandungi banyak kebenaran.

Pengaruh guru terhadap murid cukup besar. Kiau berani kata, kalau tidak kerana ajaran dan pengaruh guru Kiau dari sekolah rendah sampailah ke sekolah menengah, Kiau tidak mungkin berada di mana Kiau berada sekarang. Terima kasih cikgu.

Sebab itulah dalam masyarakat kita dan mana-mana juga masyarakat yang mementingkan ilmu dan pendidikan, guru cukup dihormati.

Kerana itu jugalah guru diberi kepercayaan memaikan tugas yang lebih luas daripada bidang perguruan. Banyak guru mara ke bidang-bidang lain, khasnya politik sehingga menjadi pemimpin negeri dan negara.

Sehingga ini peranan guru dan pembabitan mereka dalam politik tidak banyak menimbulkan kontroversi. Bukan kerana tidak ada guru yang cergas dalam politik, termasuk menyokong pembangkang, tapi kerana mereka bijak mengimbangi di antara tugas mereka sebagai guru dengan fahaman politik peribadi mereka.

Adalah guru yang ditukar atau dikenakan tindakan disiplin kerana keterlaluan dalam pembabitan politik mereka, tapi bilangannya kecil berbanding dengan jumlah guru di negara kita.

Malangnya di akhir-akhir ini nampaknya banyak guru yang hilang pegangan dan keliru di antara tugas mereka sebagai pendidik dengan sentimen politik mereka.

Dalam beberapa hal, ini tidaklah menghairankan Kiau sangat sebab Kiau kenal baik dengan bekas Timbalan Perdana Menteri dan cara beliau menggunakan pengaruhnya sewaktu dan selepas menjadi Menteri Pendidikan.

Tetapi adalah satu kesilapan besar sehingga boleh dianggap satu pengkhianatan jika guru memperalut dan meracuni fikiran murid dan pelajar kerana cintakan tokoh pembangkang tertentu dan bencikan Dr Mahathir.

Kiau membesar dalam suasana politik Melayu/Islam yang cukup hebat. Kaum keluarga Kiau, sejak merdeka lagi terbelah dua di antara yang menyokong kerajaan dengan yang menentang kerajaan. Jadi Kiau fahamlah sedikit sebanyak buruk baik kesan politik Melayu/Islam yang kadangkala emosional dan tidak kenal batasan.

Tetapi bagi guru meracuni fikiran murid dan pelajar adalah satu perbuatan yang Kiau pun tidak boleh terima.

Jadi Kiau cabar Kementerian Pendidikan mengambil tindakan disiplin yang paling keras ke atas guru yang terbukti mencampuradukkan pendirian politik mereka dengan pendidikan.

Apatah lagi kalau sudah terdapat bukti tertulis seperti dalam kertas soalan dan sebagainya.

Guru begini, sama ada yang menyebelahi kerajaan atau pembangkang, haruslah dikenakan tindakan disiplin atau dibuang kerja. Mereka tidak layak dan tidak ada kebijaksanaan untuk menjadi guru.

Kiau tabik guru-guru Kiau kerana bersikap profesional sama ada mereka menyebelahi kerajaan atau pembangkang. Kiau dengar khabar, salah seorang cikgu Kiau yang sangat Kiau hormati dan sudah bersara bertukar kem lagi. Itu hak dia.

Yang penting ialah, sewaktu dia jadi cikgu Kiau dulu, parti mana dia sokong dan parti mana dia tak sokong tidak pernah disebutkan kepada Kiau dan kawan-kawan.

Bagi Kiau, inilah guru tulen, guru berhemah dan guru yang cendekiawan. Inilah guru yang kita mahu mendidik anak-anak kita.

Jadi Kiau cabar Kementerian Pendidikan supaya bertindak tegas dan tanpa pilih kasih terhadap mana-mana guru yang meracuni fikiran pelajar dengan kegiatan politik mereka.

Yang Kiau cukup takut ialah bila akhirnya yang menjadi mangsa ialah anak bangsa kita sendiri - orang Melayu dan Bumiputera.

Janganlah kerana bencikan Dr Mahathir dan taksu kepada tokoh pembangkang tertentu, masa depan anak bangsa sendiri dikorbankan.

Dalam kerajaan begitu banyak membantu pun anak bangsa masih ketinggalan berbanding kaum lain. Jadi janganlah burukkan lagi keadaan dengan meracuni fikiran mereka dengan arsenik politik.

(END)